

Tahap Kesiediaan Guru Arus Perdana Terhadap Pengajaran Murid Berkeperluan Khas (MBPK) di Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah Sabak Bernam

(The Readiness Level Of Mainstream Teachers Towards Teaching Students With Special Needs (SWSN) At Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah Sabak Bernam)

Norfatin Hanani Binti Mohd Fazil

Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor

Nurutthoilah Binti Mohd Nabil

Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor

Abstrak

Program Pendidikan Inklusif (PPI) merupakan satu inisiatif yang mengintegrasikan murid berkeperluan khas (MBPK) ke dalam kelas arus perdana bagi memberikan peluang pembelajaran yang sama rata. Secara umum, MBPK merujuk kepada murid yang mempunyai ketidakupayaan dari segi fizikal, intelektual, emosi atau tingkah laku, dan memerlukan sokongan khusus dalam proses pembelajaran. Dalam konteks PPI, guru perlu memiliki kemahiran yang sesuai untuk menyantuni MBPK secara berkesan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Namun, tahap kesiediaan dan sikap positif seseorang guru itu masih berada pada tahap yang kurang memuaskan kerana guru-guru kurang diberikan pendedahan dengan latihan dalam menguruskan MBPK. Oleh itu, kajian ini mengkaji tahap kesiediaan, meneroka pengetahuan guru arus perdana terhadap MBPK serta mengenalpasti kemahiran guru arus perdana terhadap MBPK. Kajian dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik yang diedarkan kepada 59 orang guru arus perdana di Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah Sabak Bernam. Penyelidik menganalisis data secara empirikal menggunakan SPSS versi 29.0 dalam bentuk deskriptif. Hasil kajian telah memperlihatkan bahawa guru mempunyai tahap kesiediaan yang tinggi dalam mengajar murid berkeperluan khas di SMK Munshi Abdullah Sabak Bernam. Kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada pengkaji yang akan menjalankan kajian lanjutan serta memberi pendedahan kepada pihak berkaitan khususnya guru sekolah dalam mendepani MBPK semasa PdP dijalankan.

Kata kunci: Tahap Kesiediaan, Guru Arus Perdana, Murid Berkeperluan Khas

Abstract

Students with special needs are those with physical disabilities, such as limb impairments, or learning difficulties. This community is integrated into the Inclusive Education Programme (IEP). This IEP requires teachers to have the skills to address students with special needs in Teaching and Learning activities (TnL). However, the readiness level and positive attitude of some teachers remain unsatisfactory because they have not been adequately exposed to training in managing students with special needs. Therefore, this study was conducted to examine the readiness level, explore mainstream teachers' knowledge of students with special needs, and identify the skills of mainstream teachers in dealing with students with special needs. The researcher used a quantitative approach through questionnaires distributed to 59 respondents consisting of mainstream teachers at Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah Sabak Bernam. The researcher empirically analyzed the data using the IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) version 29.0 in a descriptive format. This study has implications for teaching practices, particularly in terms of readiness in addressing students with special needs. The study has shown that teachers have a high level of readiness to teach students with special needs at SMK Munshi Abdullah Sabak Bernam. This study is expected to provide guidance to researchers who will conduct further studies and to offer insights to relevant parties, especially school teachers, in dealing with Special Needs Students during the teaching and learning process.

Keywords: Readiness Level, Mainstream Teachers, Students with Special Needs

Article Progress

Received: 03 January 2025

Revised: 17 January 2025

Accepted: 02 February 2025

1. PENGENALAN

Umum mengetahui bahawa guru merupakan tunjang utama yang terlibat secara langsung dalam menentukan hala tuju dan kejayaan pendidikan inklusif di negara ini. Oleh itu, guru mestilah sentiasa bersedia di dalam apa jua halangan pembelajaran dan perlu mempersiapkan diri mereka dengan pengetahuan dan keyakinan mengikut arus pendidikan terkini. Perkara ini juga disokong oleh Mokhtar dan Farhana (2019) yang mengatakan bahawa tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pendidikan inklusif khususnya guru arus perdana merupakan penentu arah dalam menentukan kejayaan pelaksanaan inklusif. Tambahan lagi, Mazidah (2020) menyatakan kesediaan guru arus perdana juga penting kerana ia dapat memberi kesan yang besar terhadap keberhasilan pelajar yang bermasalah dalam pembelajaran.

Dalam pada itu, Program Pendidikan Inklusif (PPI) adalah program pendidikan untuk murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) yang disertai oleh murid tipikal dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Berdasarkan Velerie dan Musirin Mosin (2021) menyatakan bahawa konsep Program Pendidikan Inklusif (PPI) adalah selaras dengan pemakluman dalam Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas, 2013). Program ini ditawarkan kepada MBPK mengikut Akta Pendidikan 1996 iaitu murid berkeperluan khas adalah murid yang mempunyai kekurangan dari segi penglihatan, pendengaran atau masalah pembelajaran. Menurut Siti Rubiyani et al., (2020) menyatakan bahawa murid khas adalah sekumpulan pelajar yang kurang upaya dan mengalami masalah pembelajaran.

Walau bagaimana pun, MBPK mampu menerima pembelajaran seperti murid tipikal di dalam kelas. Akan tetapi, ketidakupayaan fizikal yang dihadapi mereka telah mendatangkan cabaran kepada guru-guru untuk memahami gaya pembelajaran mereka. Oleh yang demikian, MBPK juga perlu diberi hak pendidikan yang setara dengan pelajar tipikal bagi memperkembangkan potensi dan kemajuan sendiri pelajar. Perkara ini juga turut disokong oleh Norramlah Ali dan Nurfaradilla (2021) bahawa PPI diwujudkan bertujuan bagi memberi peluang yang sama rata kepada semua MBPK tanpa mengira ketidakupayaan dan kekurangan MBPK. Adapun itu, menurut Veleria dan Musirin Mosin (2021) bahawa pelaksanaan PPI juga melengkap hasrat KPM untuk melahirkan murid yang cemerlang menerusi pendidikan yang tidak membeza-bezakan murid atas kekurangan mereka. Di samping itu, pendidikan dapat direalisasikan kepada semua individu sekiranya kesamarataan terhadap semua golongan pelajar tanpa ada diskriminasi. Maka, terdapat keperluan untuk menggalakkan penyertaan MBPK dalam pendidikan inklusif supaya mereka dapat meningkatkan potensi diri secara sempurna.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kesediaan guru arus perdana dalam mendepani MBPK haruslah diberi penekanan untuk memastikan pelajar- pelajar ini tidak terabai. Ini kerana MBPK memerlukan bimbingan dan perhatian daripada guru dalam pembelajaran. Tambahan lagi, keadaan ini merupakan cabaran besar kepada institusi sekolah berikutan kekangan yang bakal dihadapi oleh guru-guru kerana sistem pendidikan yang sentiasa berubah-ubah mengikut arus pemodenan negara. Perkara ini juga berkait dengan pandangan Razimi Husin et., al (2023) yang mengatakan sistem pendidikan sentiasa di naik taraf dari semasa ke semasa bagi memperkembangkan potensi seseorang individu dalam mempelajari sesuatu pengetahuan yang baharu tanpa ada sebarang ketidakadilan terhadap mana-mana pihak. Perubahan ini adalah tindakan yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melaksanakan satu perubahan yang memberi kesan dalam dunia pendidikan. Perkara ini dapat memberi kesan dalam dunia pendidikan khususnya terhadap guru-guru yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Menurut Rahayu dan Widodo (2019) menjelaskan bahawa guru merasa tertekan dan memerlukan lebih banyak latihan serta sokongan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut kerana guru mahupun graduan sarjana pendidikan tidak diberikan pilihan dalam menentukan bidang mengikut kepakaran mereka. Walau bagaimanapun, mereka perlu bersedia dengan sebarang penetapan dan perubahan yang berlaku dalam pendidikan. Oleh itu, guru arus perdana perlu bersedia dengan sebarang kemungkinan dari kepelbagaian ketidakupayaan MBPK yang berada di kelas arus perdana.

Antara kajian lain iaitu Hoshan (2022) mengatakan bahawa permintaan yang tinggi daripada ibu bapa ke atas pendidikan inklusif telah menyebabkan bilangan MBPK semakin bertambah di dalam kelas arus perdana. Hal ini berdasarkan jumlah ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas telah mendaftar sebagai pelajar inklusif di sekolah-sekolah yang terpilih. Oleh yang demikian, guru berhadapan dengan cabaran yang hebat kerana pelajar-pelajar hadir dengan kecenderungan yang pelbagai, tahap motivasi dan cara belajar yang berbeza Kama et al., (2021). Justeru, guru arus perdana yang terlibat secara langsung dalam mengajar MBPK harus bersikap terbuka dan menerima MBPK di dalam bilik darjah. Di samping itu, Bahagian Pembangunan Kurikulum (2011) telah menyatakan bahawa kemahiran dan sikap dalam kalangan guru pendidikan khas membataskan peluang untuk MBPK memperoleh kemahiran dan mempengaruhi kemampuan mereka secara berterusan. Hal ini kerana, kajian oleh Ainaa et al., (2023) menyatakan guru-guru kurang diberikan pendedahan dengan latihan dalam menguruskan MBPK sebaiknya. Oleh itu, guru-guru menjalankan PdP menggunakan cara murid arus perdana tanpa mengendahkan kemampuan MBPK di dalam bilik darjah. Perkara ini disokong oleh Hazlin Hariz dan Khairul Farhah (2021) yang menjelaskan bahawa guru arus perdana masih menggunakan teknik dan kaedah pengajaran yang sama kepada semua

pelajar di dalam kelas dan tidak memperoleh pengetahuan mengenai pedagogi inklusif. Maka, murid kurang memahami pelajaran dan sukar mencapai potensi yang baik kerana pendekatan pengajaran yang kurang berkesan. Perkara ini juga turut dinyatakan oleh Nur Hanisah Radi dan Syawal Amran (2023) bahawa kaedah pengajaran yang kurang memuaskan akan menyebabkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung kurang berkesan. Ini kerana, guru tidak dapat mengaplikasikan pendekatan pengajaran yang sesuai.

Walau bagaimana pun, kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah Sabak Bernam kerana sekolah ini merupakan antara sekolah yang aktif melaksanakan Program Pendidikan Inklusif (PPI) dengan penglibatan murid berkeperluan khas dalam kelas arus perdana. Selain itu, sekolah ini mempunyai bilangan guru arus perdana yang ramai dan berpengalaman, termasuk 37% yang mempunyai pengalaman melebihi 21 tahun. Hal ini memberikan gambaran lebih holistik terhadap tahap kesediaan guru dalam mendepani cabaran pengajaran MBPK. Tambahan pula, sekolah ini menghadapi pertambahan pendaftaran MBPK hasil permintaan tinggi daripada ibu bapa yang menginginkan pendidikan inklusif, sekali gus menjadikan sekolah ini lokasi yang sesuai bagi mendapatkan dapatan kajian yang relevan dan signifikan.

3. OBJEKTIF

- i. Mengkaji tahap kesediaan guru arus perdana terhadap pengajaran MBPK di SMK Munshi Abdullah Sabak Bernam.
- ii. Menganalisis tahap pengetahuan guru arus perdana terhadap pengajaran MBPK di SMK Munshi Abdullah Sabak Bernam.
- iii. Mengenalpasti kemahiran guru arus perdana dalam mendepani pengajaran MBPK di SMK Munshi Abdullah Sabak Bernam.

4. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan deskriptif bagi mengenal pasti tahap kesediaan, pengetahuan dan kemahiran guru arus perdana terhadap pengajaran murid berkeperluan khas (MBPK). Instrumen kajian berupa soal selidik berstruktur dibina berdasarkan teori Kesediaan Thorndike (1898) dan Efikasi Kendiri Bandura (1977), melibatkan empat bahagian iaitu: A (demografi), B (kesediaan), C (pengetahuan) dan D (kemahiran). Bahagian B hingga D menggunakan skala Likert 5 mata.


Instrumen ini telah disemak oleh dua orang pakar dalam bidang pendidikan khas bagi memastikan kesahan kandungan, manakala kajian rintis telah dilaksanakan ke atas 10 orang guru di sekolah berbeza bagi menguji kebolehpercayaan instrumen. Hasil analisis menunjukkan nilai

Cronbach's Alpha = 0.89, menandakan tahap kebolehpercayaan yang tinggi (Sekaran & Bougie, 2016). Jumlah sampel kajian adalah seramai 59 orang guru arus perdana dari Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah, Sabak Bernam. Pemilihan responden dibuat menggunakan kaedah pensampelan bertujuan, iaitu melibatkan guru-guru yang mengajar kelas arus perdana yang mengandungi MBPK. Data dikumpulkan melalui edaran borang soal selidik secara dalam talian dan manual. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 29.0, dengan penggunaan statistik deskriptif seperti min, peratus dan sisihan piawai. Nilai min ditafsir menggunakan kategori:

1.00–2.33 (Rendah)

2.34–3.66 (Sederhana)

3.67–5.00 (Tinggi)



Rajah 1.1: Kerangka Konsep Tahap Kesiediaan Guru Arus Perdana Terhadap MBPK
Sumber: Thorndike (1898) dirujuk dalam Miskon & Mustapa (2013) & Intan Marfarrina & Guan Jing Ling (2022)

Berdasarkan Rajah 1.1, objektif kajian yang pertama iaitu mengkaji tahap kesiediaan guru arus perdana terhadap pengajaran MBPK. Pada objektif ini, penyelidik menggunakan teori kesiediaan Thorndike untuk mengetahui sama ada guru arus perdana menggunakan tiga aspek kesiediaan guru iaitu psikomotor, efektif dan kognitif berdasarkan kesiediaan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, bagi objektif kedua iaitu meneroka tahap pengetahuan guru arus perdana terhadap pengajaran MBPK melibatkan kedua- dua teori. Penyelidik ingin mengetahui aspek kesediaan dari segi psikomotor, efektif dan kognitif guru berdasarkan teori kesediaan Thorndike yang digunakan di dalam strategi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, teori efikasi sendiri Bandura ini digunakan oleh penyelidik dalam mengetahui kemahiran mempraktikkan kaedah pembelajaran, pengetahuan menjalankan Pdp, sikap guru menghadapi perubahan dan minat guru mempraktikkan kaedah pengajaran baharu selaras dengan objektif ketiga yang menggunakan teori efikasi sendiri Bandura sebagai penunjuk bagi mengenalpasti kemahiran guru arus perdana terhadap pengajaran MBPK.

5. DAPATAN KAJIAN

Bab ini melaporkan dapatan kajian bagi menjawab persoalan kajian yang dikemukakan untuk memenuhi objektif kajian. Dapatan kajian diperoleh berdasarkan data kuantitatif sepenuhnya. Tumpuan utama huraian kajian ini menjurus kepada analisis dapatan kajian yang mendasari tiga persoalan iaitu bagaimanakah tahap kesediaan guru arus perdana terhadap pengajaran MBPK di Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah Sabak Bernam, apakah pengetahuan guru arus perdana terhadap pengajaran MBPK di Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah Sabak Bernam dan adakah terdapat kemahiran mengajar guru arus perdana dalam mendepani pengajaran MBPK di Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah Sabak Bernam.

5.1 Demografi Responden

Profil	Demografi	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	19	32%
	Perempuan	40	68%
Umur	25-30 tahun	9	15%
	31-40 tahun	13	22%
	41-50 tahun	24	41%
	51 tahun dan ke atas	13	22%
Tahap Pendidikan	Diploma	15	25%
	Ijazah Sarjana Muda	41	70%
	Sarjana	3	5%
Pengalaman mengajar	1-5 tahun	9	15%
	6-10 tahun	7	12%
	11-15 tahun	7	12%
	16-20 tahun	14	24%
	Lebih dari 21 tahun	22	37%

Jadual 5.1: Demografi Responden

Seramai 59 orang responden telah terlibat bagi menghasilkan kajian ini yang terdiri daripada 19 orang guru lelaki (32%) dan 40 orang guru perempuan (68%). Jumlah bilangan 59 guru tersebut merupakan guru-guru arus perdana yang mengajar di bilik darjah arus perdana. Responden yang terdiri daripada umur 41 hingga 50 tahun mempunyai bilangan paling ramai iaitu 24 orang dengan

jumlah kekerapan sebanyak 41%. Seterusnya, kumpulan yang terdiri daripada umur 25 hingga 30 tahun merupakan paling sedikit di mana hanya ada 9 orang sahaja dengan jumlah kekerapan (15%). Selain itu, kumpulan umur 31 hingga 40 tahun dan umur 51 tahun dan ke atas pula terdiri daripada 13 orang dengan jumlah kekerapan ialah 22%.

Bagi tahap pendidikan pula, bagi kumpulan guru yang mempunyai sijil Ijazah Sarjana Muda mempunyai jumlah tertinggi iaitu seramai 41 orang dengan jumlah kekerapan 70%. Sementara itu, bagi kumpulan Ijazah Sarjana pula merupakan paling sedikit di mana hanya mempunyai 3 orang dengan jumlah kekerapan 5%. Selain itu, bagi kumpulan Diploma mempunyai 15 orang dengan jumlah kekerapan 25%. Tambahan pula, bagi guru yang mempunyai pengalaman mengajar bagi kumpulan 21 tahun dan ke atas seramai 22 orang (37%). Ini kerana Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah Sabak Bernam mempunyai guru-guru yang berpengalaman kerana mereka sudah mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran dalam mendepani MBPK. Kumpulan kedua terdiri daripada 7 orang (12%) iaitu daripada pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun sama dengan kumpulan ketiga iaitu pengalaman selama 11 hingga 15 tahun. Manakala, kumpulan yang keempat pula terdiri daripada kumpulan 16 hingga 20 tahun iaitu 14 orang dengan jumlah kekerapan 24%. Akhir sekali, guru yang mempunyai 1 hingga 5 tahun yang terdiri daripada 9 orang guru dengan jumlah kekerapan 15% yang merupakan guru yang kurang berpengalaman dan masih baru dalam mengajar murid berkeperluan khas di dalam bilik darjah.

5.2 Tahap Kesediaan Guru Arus Perdana Terhadap Pengajaran MBPK di SMK Munshi Abdullah Sabak Bernam

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interprestasi
B1	Saya memperuntukkan masa untuk memahami MBK di dalam kelas arus perdana.	3.83	0.722	Tinggi
B2	Saya bersedia mencuba pendekatan baru dalam aktiviti pengajaran kepada MBK.	3.89	0.781	Tinggi
B3	Saya selesa untuk mengajar MBK di dalam kelas arus perdana.	3.45	0.915	Tinggi
B4	Saya tidak terbeban untuk mengajar MBK di dalam kelas arus perdana.	3.47	0.935	Tinggi
B5	Saya bersedia membantu MBK yang menghadapi kesukaran semasa belajar di dalam kelas arus perdana.	3.83	0.746	Tinggi
B6	Saya tahu tentang peraturan bahawa semua murid Pendidikan Khas berhak mendapatkan pendidikan.	4.49	0.568	Sangat Tinggi
B7	Saya sedar tentang tanggungjawab menerima murid Pendidikan Khas dan mengajar mengikut kemampuan mereka.	4.16	0.746	Tinggi
B8	Saya percaya pencapaian MBK akan meningkat.	4.13	0.730	Tinggi
B9	Saya bimbang beban kerja saya akan meningkat sekiranya terdapat MBK dengan ketidakupayaan pelbagai di dalam kelas.	3.37	1.048	Sederhana
B10	Saya bersedia mendorong MBK untuk mengambil bahagian dalam semua aktiviti sosial di dalam kelas.	3.86	0.706	Tinggi

Jadual 5.2: Nilai dan Sisihan Piawai bagi Mengkaji Tahap Kesediaan Guru Arus Perdana Terhadap Pengajaran MBPK

Jadual 5.2 menunjukkan nilai dan sisihan piawai bagi mengkaji tahap kesediaan guru arus perdana terhadap pengajaran murid berkeperluan khas di SMK Munshi Abdullah Sabak Bernam. Berdasarkan jadual tersebut, pada item B6 “Saya tahu tentang peraturan bahawa semua murid Pendidikan Khas berhak mendapatkan pendidikan” menunjukkan nilai min paling tinggi iaitu ($M=4.49$, $SP=0.568$) dan mempunyai interpretasi sangat tinggi.

Selain itu, berdasarkan skor min tinggi ($M=4.16$, $SP=0.746$) bagi item B7 “Saya sedar tentang tanggungjawab menerima murid Pendidikan Khas dan mengajar mengikut kemampuan mereka”. Oleh itu, dengan kesedaran tanggungjawab guru mengikut kemampuan murid pendidikan khas dapat menunjukkan bahawa item B8 “Saya percaya pencapaian MBPK akan meningkat” dengan skor min ($M=4.13$, $SP=0.730$) yang juga diklasifikasikan sebagai berinterpretasi tinggi. Seterusnya, item B2 “Saya bersedia mencuba pendekatan baru dalam aktiviti pengajaran kepada MBPK” mempunyai min sebanyak ($M=3.89$, $SP=0.781$) yang mana item ini berkait dengan item B10 “Saya bersedia mendorong MBPK untuk mengambil bahagian dalam semua aktiviti sosial di dalam kelas” dengan min ($M=3.86$, $SP=0.706$) iaitu masih berada pada skor min tinggi. Justeru, terdapat segelintir guru arus perdana memerlukan masa untuk memahami MBPK di dalam bilik darjah yang sama dengan pelajar tipikal. Hal ini turut dibuktikan dengan skor min yang tinggi ($M=3.83$, $SP=0.722$) pada item B1 “Saya memperuntukkan masa untuk memahami MBPK di dalam kelas arus perdana”. Tambahan pula, pada item B5 “Saya bersedia membantu MBPK yang menghadapi kesukaran semasa belajar di dalam kelas arus perdana” iaitu ($M=3.83$, $SP=0.746$) tetap berada pada skor min yang sama pada kedudukan tinggi. Manakala, min pada item B4 “Saya tidak terbeban untuk mengajar MBPK di dalam kelas arus perdana” masih pada skor tinggi dengan nilai min ($M=3.47$, $SP=0.935$) dan hanya sedikit berbeza dengan nilai min B3 “Saya selesa untuk mengajara MBPK di dalam kelas arus perdana” iaitu ($M=3.45$, $SP=0.915$) yang juga berada pada skor min tinggi.

Jumlah keseluruhan bagi min serta sisihan piawai bagi mengkaji tahap kesediaan guru arus perdana terhadap pengajaran MBPK di SMK Munshi Abdullah ialah ($M=3.85$, $SP=0.518$). Dapat dilihat di sini bahawa tahap kesediaan guru arus perdana terhadap pengajaran MBPK berada pada tahap tinggi.

5.3 Tahap Pengetahuan Guru Arus Perdana Terhadap Pengajaran MBPK di SMK Munshi Abdullah Sabak Bernam

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interprestasi
C1	Saya perlu menyertai kursus asas pendidikan khas.	3.76	0.970	Tinggi
C2	Saya memahami kepelbagaian masalah pembelajaran yang dihadapi MBK.	3.71	0.871	Tinggi
C3	Saya tahu teknik menguruskan MBK dalam kelas arus perdana.	3.13	0.955	Sederhana
C4	Saya mengenali ciri-ciri murid disleksia.	3.03	0.850	Sederhana
C5	Saya mengetahui cara mengenal pasti MBK di dalam kelas arus perdana.	3.33	0.822	Sederhana
C6	Saya mengetahui jenis pendidikan inklusif yang dilaksanakan di sekolah.	3.40	0.853	Sederhana
C7	Saya mengetahui tentang pengurusan murid Pendidikan Khas yang mengikuti PPI di sekolah.	3.20	0.905	Sederhana
C8	Murid Pendidikan Khas memerlukan pembelajaran seperti mana yang wujud di kelas arus perdana.	3.32	0.972	Sederhana
C9	Saya percaya dengan kebolehan murid pendidikan khas yang telah diinkluskikan.	3.76	0.625	Tinggi
C10	Saya dapat memastikan tugas yang diberikan mengikut keupayaan pelajar.	3.77	0.744	Tinggi

Jadual 5.3: Nilai dan Sisihan Piawai bagi Meneroka tahap pengetahuan Guru Arus Perdana Terhadap Pengajaran MBPK

Jadual 5.3 adalah daripada objektif meneroka tahap pengetahuan guru arus perdana terhadap pengajaran MBPK di SMK Munshi Abdullah Sabak Bernam. Dapat dibuktikan di sini, item C10 “Saya dapat memastikan tugas yang diberikan mengikut keupayaan pelajar” mendapat jumlah min yang paling tinggi iaitu ($M=3.77$, $SP=0.744$). Manakala, item C4 “Saya mengenali ciri-ciri murid disleksia” iaitu ($M=3.03$, $SP=0.850$) mendapat jumlah skor min yang paling rendah dengan interprestasi sederhana.

Selain itu, terdapat guru yang memberikan sokongan terhadap MBPK di dalam bilik darjah. Perkara ini turut dibuktikan dengan skor min ($M= 3.76$, $SP=0.625$) pada item C9 “Saya percaya dengan kebolehan murid pendidikan khas yang telah diinkluskikan”. Skor min yang sama juga daripada item C1 “Saya perlu menyertai kursus asas pendidikan khas” dengan jumlah min ($M=3.76$, $SP=0.970$). Ini menunjukkan bahawa kedua-duanya merupakan min kedua tertinggi dengan interprestasi tinggi. Di samping itu, item C2 “Saya memahami kepelbagaian masalah pembelajaran yang dihadapi MBPK” juga diklasifikasikan sebagai skor min tinggi iaitu ($M=3.71$, $SP=0.871$).

Akhir sekali, bagi keseluruhan min pada jadual 3 ialah ($M=3.44$, $SP=0.576$) di mana pada tahap interprestasinya merupakan pada tahap tinggi. Dapat dibuktikan di sini bahawasanya tahap pengetahuan guru arus perdana terhadap pengajaran MBPK dalam kalangan guru di SMK Munshi Abdullah Sabak Bernam berada di tahap yang tinggi.

5.4 Kemahiran Guru Arus Perdana Terhadap Pengajaran MBPK di SMK Munshi Abdullah Sabak Bernam

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interprestasi
D1	Saya mahir mencari peluang untuk membuat perubahan dalam penyampaian pengajaran di dalam kelas yang terdapat MBK.	3.37	0.763	Sederhana
D2	Saya boleh memahami strategi mengajar MBK di dalam kelas arus perdana.	3.28	0.851	Sederhana
D3	Saya boleh menggunakan strategi pengajaran yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran kepada MBK.	3.45	0.837	Tinggi
D4	Saya mahir menyusun kedudukan murid mengikut model latihan program pendidikan inklusif.	3.13	0.860	Sederhana
D5	Saya boleh menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) di dalam kelas.	3.93	0.666	Tinggi
D6	Saya mampu mengendalikan aktiviti berkumpulan berdasarkan kebolehan murid.	3.86	0.628	Tinggi
D7	Saya boleh mengajar MBK yang bermasalah tingkah laku sederhana.	3.45	0.726	Tinggi
D8	Saya tidak akan berputus asa untuk mengulang topik yang sama kepada pengajaran MBK.	3.72	0.761	Tinggi
D9	Saya mahir mendapatkan idea dan nasihat daripada guru PPKI sebelum mengajar di kelas arus perdana yang terdapat MBK.	3.49	0.795	Tinggi
D10	Saya mampu memberikan galakan dan sokongan kepada MBK.	3.86	0.706	Tinggi

Jadual 5.4: Nilai dan Sisihan Piawai bagi Mengenalpasti Kemahiran Guru Arus Perdana Terhadap Pengajaran MBPK

Berdasarkan Jadual 5.4, ianya merupakan hasil daripada mengenalpasti kemahiran guru arus perdana terhadap pengajaran MBPK di SMK Munshi Abdullah Sabak Bernam. Tambahan pula, pada jadual 4 di dapati jumlah min yang tertinggi iaitu ($M=3.93$, $SP=0.666$) pada item D5 “Saya boleh menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) di dalam kelas”. Manakala, item D4 “Saya mahir menyusun kedudukan murid mengikut model latihan program pendidikan inklusif” diklasifikasikan sebagai skor min terendah yang berinterprestasi sederhana iaitu ($M=3.13$, $SP=0.860$).

Seterusnya, jumlah min yang kedua tertinggi ialah pada item D10 “Saya mampu memberikan galakan dan sokongan kepada MBPK” iaitu dengan min ($M=3.86$, $SP=0.706$) dan item D6 “Saya mampu mengendalikan aktiviti berkumpulan berdasarkan kebolehan murid” dengan memperoleh min ($M=3.86$, $SP=0.628$). Kedua-dua item ini mempunyai bilangan min yang sama. Adapun itu, nilai min dengan ($M=3.72$, $SP=0.761$) pada item D8 “Saya tidak akan berputus asa untuk mengulang topik yang sama kepada pengajaran MBPK” diklasifikasikan pada skor min tinggi. Selain itu, terdapat segelintir guru yang berjumpa dengan guru pendidikan khas terlebih dahulu sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah yang mempunyai MBPK. Perkara ini dibuktikan dengan skor min ($M=3.49$, $SP=0.795$) pada item D9 “Saya mahir mendapatkan idea dan nasihat daripada guru PPKI sebelum mengajar di kelas arus perdana yang terdapat MBPK” berada pada tahap tinggi. Namun, masih terdapat nilai min pada skor tinggi iaitu pada item D7 “Saya boleh mengajar MBPK yang bermasalah tingkah laku sederhana” dengan min ($M=3.45$, $SP=0.726$) sama

dengan nilai min ($M=3.45$, $SP=0.837$) pada item D3 “Saya boleh menggunakan strategi pengajaran yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran kepada MBPK”.

Akhir sekali, bagi keseluruhan nilai min dalam jadual 4 ialah ($M=3.55$, $SP=0.585$). Pada tahap interpretasi, ianya berada pada tahap tinggi. Dapat digambarkan di sini bahawa mengenalpasti kemahiran guru arus perdana terhadap pengajaran MBPK di SMK Munshi Abdullah juga berada pada tahap tinggi.

6. PERBINCANGAN

Berdasarkan kajian penyelidik mendapati bahawa guru arus perdana harus mempunyai kesediaan yang baik dan tinggi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah yang disertai dengan MBPK. Ini kerana menurut Razimi Husin et al., (2023) bahawa permintaan yang tinggi daripada ibu bapa ke atas pendidikan inklusif tidak membebankan guru arus perdana untuk mengajar MBPK di dalam kelas arus perdana kerana mereka mengetahui tentang peraturan bahawa semua murid Pendidikan Khas berhak mendapatkan pendidikan. Oleh itu, mereka menyedari akan tanggungjawab guru arus perdana dalam menerima murid Pendidikan Khas dan mengajar mengikut kemampuan murid tersebut. Maka, daripada hasil dapatan kajian menunjukkan guru-guru percaya bahawa pencapaian MBPK akan meningkat disebabkan guru yang sentiasa bersedia mendorong MBPK untuk mengambil bahagian dalam semua aktiviti sosial di dalam kelas.

Walaupun keseluruhan dapatan menunjukkan tahap kesediaan, pengetahuan dan kemahiran guru arus perdana berada pada tahap tinggi, namun terdapat beberapa item dengan min sederhana yang menunjukkan ruang penambahbaikan. Dari aspek kesediaan, guru menunjukkan kebimbangan terhadap beban kerja tambahan apabila mengajar MBPK pelbagai ketidakupayaan ($\text{min} = 3.37$). Ini menunjukkan keperluan kepada sokongan pentadbiran dan pengurusan masa yang lebih efektif. Dalam aspek pengetahuan, item seperti teknik mengurus MBPK ($\text{min} = 3.13$) dan pengenalan ciri murid disleksia ($\text{min} = 3.03$) mencerminkan kekurangan pengetahuan praktikal dalam pendidikan khas. Ini menunjukkan perlunya latihan khusus secara berkala. Dari segi kemahiran, guru kurang mahir dalam menyusun kedudukan murid ($\text{min} = 3.13$) dan mencari pendekatan alternatif dalam PdP ($\text{min} = 3.37$), menandakan perlunya penekanan terhadap kemahiran pedagogi inklusif yang lebih mendalam. Dapatan ini selari dengan kajian Ainaa et al. (2023) dan Rahayu & Widodo (2019) yang menekankan keperluan latihan, pendedahan dan sokongan sistematik kepada guru arus perdana dalam pelaksanaan pendidikan inklusif.

Sementara itu, kemahiran guru arus perdana terhadap pengajaran MBPK juga penting. Ini kerana menurut Ainaa et al., (2023) bahawa guru arus perdana kurang diberikan pendedahan dengan

latihan dalam menguruskan MBPK. Berdasarkan hasil dapatan kajian, ramai responden boleh menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) di dalam kelas dan guru mampu mengendalikan aktiviti berkumpulan berdasarkan kebolehan murid. Ini menunjukkan guru arus perdana menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Perkara ini turut dinyatakan oleh Mohd Razimi Husin et al., (2023) bahawa guru dapat merancang strategi yang sesuai untuk membantu MBPK belajar secara efektif dengan memahami keperluan khusus setiap murid. Walau bagaimanapun, daripada kajian juga mendapati bahawa guru arus perdana perlu mahir mendapatkan idea dan nasihat daripada guru Pendidikan Khas terlebih dahulu sebelum mengajar di kelas arus perdana yang terdapat MBPK bertujuan bagi meningkatkan kefahaman terhadap pengajaran di dalam bilik darjah kerana murid hadir dengan tahap kecenderungan dan tahap motivasi yang berbeza.

7. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat menjelaskan bahawa guru arus perdana di SMK Munshi Abdullah mempunyai tahap kesediaan yang baik dalam mengajar murid berkeperluan khas (MBPK). Namun begitu, masih terdapat ruang untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru agar proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan inklusif. Kajian ini membawa implikasi penting kepada pihak sekolah dan pembuat dasar, khususnya dalam menyediakan latihan dan sokongan yang berterusan kepada guru. Pendedahan dan kursus berkaitan pengurusan MBPK perlu diperluaskan agar guru lebih yakin dan bersedia untuk mendepani MBPK. Dapatan ini juga memberikan panduan berguna kepada penyelidik lain yang ingin menjalankan kajian lanjutan dalam bidang pendidikan inklusif. Secara tidak langsung, ia dapat membantu memperkukuh pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif (PPI) di sekolah melalui penglibatan guru yang lebih bersedia dan berpengetahuan.

RUJUKAN

- Abdul Mumen, N., & Khairuddin, K. F. (2022). Kepentingan Sistem Sokongan Rakan Sebaya Terhadap Aspek Sosial Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Pembelajaran Dalam Kelas Inklusif. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(6).
- Ali, M. b. (2020). Tahap Kesediaan Guru Sekolah Aliran Perdana Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Terhadap Murid Bercirikan Disleksia. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru*, 54-66
- Ali, N., & Mohamad Nasri, N. (2021). Halangan Yang Dihadapi Oleh Guru Aliran Perdana dalam Melaksanakan Program Pendidikan Inklusif. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 74-82
- Ainaa, H. (2023, June). Halangan Yang Ditempuhi Oleh Guru Aliran Perdana Di Malaysia dalam Melaksanakan Program Pendidikan Inklusif.
- Anis Shahira Zulkifli & Suziyani Mohamed (2019). Tahap Pengetahuan Guru Dalam Mengurus Tingkah Laku Murid Berkeperluan Khas (MBPK). *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(4), 1-7.
- Atmowardoyo, H. (2018). Research Methods in TEFL Studies: Descriptive Research, Case Study, Error Analysis, and R & D. *Journal of Language Teaching and Research*, 9(1),
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a Unifying Theory of Behavioural Change. *Psychological Review*, 84, 191-215
- Biggs, E. E., & Rossi, E. B. (2021). Supporting Inclusion Through Peer Support. *Handbook of Effective Inclusive Elementary Schools*, 322–347.
- Danial Arif Abdul Muttalip & Zamri Mahamod. (2020). Pelaksanaan Pendekatan Terbeza Pengajaran Terbeza dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu yang Mengajar di Sekolah Rendah Pedalaman Kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (2), 29-42
- Farhana Najib, M. M. T. (2022). Tahap Pengetahuan Guru Aliran Perdana dalam Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif Sekolah Rendah di Sabak Bernam. *Jurnal Dunia Pendidikan*.
- Farmer, T. W., Hamm, J. V., Dawes, M., Barko-Alva, K., & Cross, J. R. (2019). Promoting Inclusive Communities in Diverse Classrooms: Teacher Attunement and Social Dynamics Management. *Educational Psychologist*, 54(4), 286-305.
- Haris, H., & Khairuddin, K. F. (2021). Pelaksanaan Pedagogi Inklusif Bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 197-210.
- Hasan, M., Zakaria, N., Basran, N., & Shaffei, K. (2022). Tahap Pengetahuan Guru Aliran Perdana dalam Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif Sekolah Rendah di Sabak Bernam. *Jurnal Dunia Pendidikan*.
- Hussin, Mohamad Zulhilmi Bin, and Norshidah Binti Mohamad Salleh. "Level of Teacher Preparation of the Inclusive Program (Holistic Model) in Three Pilot School in Sabah State." In *International Conference on Special Education in South East Asia Region 10th Series 2020*, pp. 97-106. Redwhite Press, 2020

- Husin, M. R., Nor Rahmat, A. F., Rosle, A. F., Mohamad Hassan, F. S., Mat Nawi, F. S., Abiraham, M. A., Abd Rahman, N., Mohamad Razman, N. A., Khairulnauar, N. B., Hassan Basari, N. H., Haziqah Suhaili, U. S., & Malik, S. F. (2023). Strategi Dan Teknik PDPC bagi mengendalikan Murid Berkeperluan Khas Ketidakupayaan Pendengaran Dalam Pendidikan inklusif. *Journal of Humanities and Social Sciences (JHASS)*, 5(2), 75–87.
- Jamaludin, N., & Shaffeei, K. (2023). Meneroka Cabaran Interaksi Sosial Guru Perdana dalam Pengajaran ke atas Murid Inklusif di Aliran Perdana. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 45–54.
- Jalaluddin, N. S., & Tahar, M. M. (2022). Pelaksanaan Pendidikan Inklusif Dalam Kalangan guru Arus Perdana. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2).
- Jusimin, S., & Mohamad Salleh, N. (2022). Pelaksanaan Dasar Sifar Penolakan, Bersediakah Guru Sekolah Pendidikan Khas? *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5).
- Kama Shaffeei, Abdul Rahim Razalli, Shamsul Rizal Khalil. (2019). Tahap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Khas di Malaysia. *Pendidikan Khas Peringkat Negeri Selangor*. Universiti Pendidikan Selangor (UNISEL), 20-21 Ogos.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013/2025: Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah*
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1996). *Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, Akta Pendidikan 1996*
- Kementerian Pendidikan Khas. (2013). *Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas*. Edisi Percubaan
- Liang Soon, V. K., & Anak Day, S. A. (2024). Kesediaan Guru Arus Perdana dalam Pelaksanaan Pendidikan Inklusif di Sebuah Sekolah Rendah di Daerah Kanowit. *International Journal of Advanced Research in Future Ready Learning and Education*, 34(1), 104–112.
- Ling, G. J., & Omar, I. M. (2022). Kesediaan Guru Arus Perdana Dan Keberkesanan Progam Pendidikan Inklusif Sekolah Jenis Kebangsaan (CINA) di Ampang, Selangor. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*.
- Mazmi bt Maarof & Noor Syahira bt Jalaluddin. (2019). The Implementation Of Pedagogical Strategies In Inclusive Education Program For Pupils With Special Needs Among Mainstream Teachers: A Case Study. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 12, 29-38
- Mohd. Mokhtar Tahar dan Farhana Najib. (2019). Kesediaan Guru Aliran Perdana Terhadap Pelaksanaan Pendidikan Inklusif. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019*, 318-328.
- Miskon, A. S., & Mustapa, S. I. (2013). *Murid dan Alam Belajar*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd
- Mohamed Norok, N. B., & Kamarudin, K. F. (2022). Tahap Kesediaan Guru Terhadap Penggunaan Kaedah Bermain Sambil Belajar Bagi Murid Berkeperluan Khas Pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 132–144.

- N., Hoshan, H., Hassan Mohamad Hanapi, M., & Talib Bin Mohamad Hashim, A. (2022). The Relationship Between Gamification Implementation and Student Involvement. *Resmilitaris*, 12(2), 2785–2796.
- Noor Syahira Jalaluddin & Mohd Mokhtar Tahar. (2022). Pelaksanaan Pendidikan Inklusif dalam Kalangan Guru Arus Perdana. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), e001280.
- Nurfayanti & Nurbaeti (2019). Pengaruh Media Pembelajaran Google Classroom dalam Pembelajaran Analisis Real Terhadap Motivasi Belajar Mahasiswa. *Jurnal Penelitian Matematika dan Pendidikan Matematik*, 2(1), 50-59
- Nurulshima Mohd Mohtar& Khairul Farhah Khairuddin. (2023). Pemerksaan Guru dalam Pengajaran dalam Talian untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas di Program Pendidikan Inklusif. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(8), e002456.
- Palaniandy, N., & Mohd Hanafi, M. Y. (2021). Tahap Kesediaan Guru Arus Perdana Terhadap Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif: Tinjauan di Sekolah Menengah Daerah Gombak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 633-644
- Primus, V. W., & Mosin, M. (2021). Pengurusan Pentaksiran bilik darjah Murid Berkeperluan Khas Dalam program Pendidikan Inklusif di Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(8), 59–68.
- Radi, N., & Amran, S. (2023). Strategi dan Cabaran Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Terbeza dalam Kalangan Guru di Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002336
- Rubiyani, S., Abdul Wahab, N., Arifin, R., Yusof, A., & Othman, M. S. (2020). (PDF) Kompetensi Guru Pendidikan Khas Terhadap Murid Bermasalah Pembelajaran.
- Subri, Mohd Rohiman, Rohizani Yaakub, and Azlinda Boheran Nudin. "Pelaksanaan Pengajaran Guru Cemerlang dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu ketika Pandemik COVID-19: Satu Kajian Kes: The Implementation of Teaching among Excellent Teachers in Malay Language Subject during COVID-19 Pandemic: A Case Study." *PENDETA12* (2021): 21-32
- Tajudin, A., & Abdullah, N. (2018). Kesiediaan Guru Sains Sekolah Rendah Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 8(1), 82-97
- Valli, R. (2017). Creating a Questionnaire for a Scientific Study. *International Journal of Research Studies in Education*, 6(4), 42-49
- Widodo, S., & Rahayu, P. (2019). Analysis of Elementary School Students' Mastery in Math Instruction Based on Arithmetic Gamification. *Journal of Physics: Conference Series*, 1157, 042112.
- Yunita, V.M. & Kristiyanto, A. (2021). Special Education Teachers' Perceptions Toward Online Learning during the Covid-19 Pandemic. *Jurnal Pendidikan Indonesia*, 10(2), 202–211

Norfatin Hanani Binti Mohd Fazil (Corresponding author)
Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial
Universiti Selangor
Jalan Timur Tambahan
45600, Bestari Jaya, Selangor, Malaysia
Email: fatinhanani919@gmail.com

Nurutthoilah Binti Mohd Nabil
Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial
Universiti Selangor
Jalan Timur Tambahan
45600, Bestari Jaya, Selangor, Malaysia
Email: ntthoilah@unisel.edu.my